



كامرکتوا حاکم شرعی محکمہ شرعیہ نگرہ ملاک

KAMAR KETUA HAKIM SYARIE
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA
KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH,
JALAN AYER KEROH LAMA,
HANG TUAH JAYA,
75450 AYER KEROH, MELAKA.

Telefon : 06 - 233 2050

Sambungan : 3501

Faks : 06 - 2311275

Laman Web : <http://www.mahsyariahmelaka.gov.my>

Ruj.Kami : MSNM 100-1/6/3()
Tarikh : 28 April 2016

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,
Tuan Ketua Pendaftar,
Tuan/Puan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,
Tuan/Puan Pegawai Mahkamah Syariah,
Tuan/Puan Peguam Syarie,
Pihak-pihak yang berurusan di Mahkamah Syariah,

Yang Arif / Tuan / Puan,

ARAHAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI MELAKA BIL.6 TAHUN 2016

Mengenakan Penalti Bagi Kesalahan Poligami Tanpa Kebenaran

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif / Tuan / Puan kepada keputusan Muzakarah Hakim Syarie, Mahkamah Syariah Negeri Melaka Bil.1 tahun 2016 pada 21 April 2016 di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka telah bersetuju memutuskan bahawa;

1. Permohonan Pengiktirafan Nikah Poligami hendaklah difailkan di Mahkamah Tinggi Syariah, sepertimana yang telah ditetapkan dalam Arahan Amalan Mahkamah Syariah No.4 Tahun 2007.
2. Mahkamah hendaklah mensabitkan kesalahan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah ke atas pelaku (lelaki) dan mengenakan penalti menurut peruntukan seksyen 124 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) tahun 2002, **pada hari keputusan kes itu dibacakan apabila :**
 - i. Setelah Mahkamah berpuas hati pernikahan adalah sah mengikut Hukum Syarak; **DAN**
 - ii. Sebelum Mahkamah mengeluarkan perintah ke atas pihak-pihak untuk mendaftarkan pernikahan tersebut.
3. Sebagai panduan, Mahkamah bolehlah merujuk kepada **Contoh Perintah / Penghakiman** seperti di LAMPIRAN C.

Arahan ini berkuatkuasa **1 Mei 2016**.

Sekian, terima kasih.

“SYARIAH ASAS Keadilan”

Saya yang menurut perintah,


(DATUK HJ MOHD RADZI BIN HJ ABD LATIF)

Ketua Hakim Syarie
Mahkamah Syariah Negeri Melaka

LAMPIRAN C

SETELAH Mahkamah mendengar dan meneliti keterangan yang diberikan pihak-pihak, Mahkamah berpuas hati dan berkeyakinan membuat keputusan. **MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERINTAHKAN** seperti berikut :

1. Mahkamah mengesahkan dan mengiktiraf pernikahan di antara Pemohon I dengan Pemohon II pada 10 Januari 2015 di Wilayah Songkhla, Thailand, adalah perkahwinan poligami tanpa kebenaran Mahkamah yang sah dan sabit di sisi Hukum Syarak.
2. Dengan ini Mahkamah menjatuhkan ke atas Pemohon I / Pemohon II hukuman denda sebanyak RM500.00 ATAU dipenjarakan selama tiga (3) bulan jika tidak bayar denda berdasarkan peruntukan seksyen 124 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002.
3. Pernikahan ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Agama Islam Daerah Melaka Tengah, Melaka.
4.
5.
6.

DIKELUARKAN dengan Tandatangan dan Meterai Mahkamah ini pada 4 Januari 2016.

.....
HAKIM / PENDAFTAR
MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
NEGERI MELAKA